



SHAHROL M ZAIN | BERITA HARIAN

PERSEDIAAN RAPI: Kakitangan pelbagai jabatan berlatih sebagai persiapan menyambut Ulang Tahun ke-60 Umno di Istana Besar, Johor Bahru.

Peristiwa 1946 akan 'berulang' di Johor

Perisytiharan Umno 60 tahun lalu diimbas semula

Oleh Johan Afandi

JOHOR BAHRU: Sambutan terbesar ulang tahun ke-60 Umno, di Istana Besar, di sini, esok akan menyaksikan Sultan Johor menandatangani plak perisytiharan sambutan perayaan parti berkenaan.

Setiausaha Jawatankuasa Induk Persiapan sambutan itu, Datuk Ali Hassan, berkata plak berkenaan kemudian akan disimpan di Istana Besar untuk tatapan generasi akan datang.

"Pada Khamis ini, majlis akan dilakukan sama seperti dilakukan pada 11 Mei 1946 kerana kita mahu mewujudkan semula semangat orang Melayu ketika

mula-mula berjuang menubuhkan Umno bagi menghalang Malay Union," katanya pada rapai sambutan ulang tahun ke-60 Umno di pekarangan Istana Besar Johor, di sini, semalam.

Ali yang juga Setiausaha Perhubungan Umno Johor, berkata pihaknya mahu memastikan sambutan ulang tahun kali ini akan diingati sampai bila-bila kerana buat pertama kalinya selepas ditubuhkan, Umno kembali ke tempat kelahirannya.

Beliau berkata, kira-kira 6,000 ahli Umno akan menyertai sambutan berkenaan dan ketika Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di pekarangan

Istana Besar, beliau akan diarak kumpulan pembawa bunga manggar, bunga pahar dan telur berjumlah 600 orang.

Katanya, Abdullah kemudian memeriksa perbarisan Pemuda, Puteri dan Putera Umno sebelum menaikkan bendera Umno dengan nyanyian lagu Negaraku

“Sambutan ulang tahun kali ini akan diingati sampai bila-bila”

Ali Hassan
Setiausaha Jawatankuasa Induk persiapan sambutan

dan Umno daripada kumpulan koir Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim (MPTI).

Ali berkata, bacaan ikrar diketuai Ketua Pemuda Umno Johor, Razzali Ibrahim sebelum artis veteran, Datuk Rahim Razali membacakan perutusan Datuk Onn Jaafar yang dibacakan pengasas Umno itu 60 tahun lalu.

"Sultan Johor dijangka tiba jam 12.30 tengah hari dan baginda diiringi Abdullah dan ahli Majlis Tertinggi Umno ke Tangga Agung Istana Besar, sebelum menandatangani plak perisytiharan sebagai simbolik seperti dilakukan Almarhum Sultan Ismail ketika merasmikan penubuhan Umno pada 11 Mei 1946," katanya.

